

KENYATAAN MEDIA

Tahun 2024 tempoh peralihan ARREIT membina ketelusan operasi yang lebih kukuh

Perbezaan antara penyata belum diaudit dan diaudit sebagai sebahagian daripada perjalanan transformasi ARREIT

Kuala Lumpur, 30 April 2025 – AmanahRaya Real Estate Investment Trust ("AmanahRaya REIT") ingin menjelaskan perbezaan antara keputusan kewangan belum diaudit dan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, sebagai sebahagian daripada proses pemuktamadan audit yang standard. Penjelasan ini mencerminkan penekanan berterusan AmanahRaya REIT terhadap tadbir urus kewangan yang kukuh, ketepatan dalam pelaporan, dan penajajaran dengan amalan terbaik kawal selia.

Sepanjang tahun lalu, AmanahRaya-Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd. ("AKRM"), selaku Pengurus ARREIT, telah memulakan perjalanan transformasi strategik yang bertujuan membina asas yang lebih kukuh bagi pertumbuhan yang mampan. Transformasi ini dipandu oleh lima inisiatif utama yang tertumpu pada peningkatan Tadbir Urus, Pertumbuhan Perniagaan Mampan, Insan, Sistem dan Pengurusan Kewangan. Walaupun usaha ini sudah mula membentuk semula organisasi secara positif, fasa peralihan interim telah memberi kesan ke atas prestasi kewangan ARREIT untuk TK2024 — satu langkah yang perlu dalam menyampaikan nilai jangka panjang kepada pihak berkepentingan.

Selaras dengan Perenggan 9.19(35) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, Lembaga Pengarah AmanahRaya Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd. ("AKRM") mengeluarkan penjelasan ini berikutan perbezaan melebihi 10% antara angka keuntungan selepas cukai belum diaudit dan teraudit.

Timbul disebabkan sebahagian daripada proses pemuktamadan audit. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, ARREIT melaporkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM1.80 juta dalam penyata kewangan teraudit, berbanding RM4.98 juta dalam keputusan belum diaudit yang diumumkan pada 28 Februari 2025. Perbezaan

KENYATAAN MEDIA

sebanyak RM3.18 juta timbul daripada pelarasan teknikal yang dikenal pasti dan dilaksanakan semasa pemuktamadan audit, selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia.

Pelarasan utama adalah berkaitan dengan kaedah pelaporan perjanjian pajakan di bawah MFRS 16 – Pajakan, termasuk penambahbaikan dalam cara tempoh sewa percuma yang diberikan kepada penyewa diambil kira dari segi pengiktirafan pendapatan sewaan dan pelunasan aset hak guna. Selain itu, proses audit turut mengesahkan keperluan untuk mengiktiraf beberapa invois vendor yang berkaitan dengan kerja-kerja penambahbaikan hartanah, yang sebelum ini sedang dalam semakan. Kesemua perkara ini telah dimasukkan ke dalam akaun teraudit selaras dengan garis panduan perakaunan standard.

Penyeuaian ini mencerminkan proses semula jadi dalam pemuktamadan audit dan menunjukkan pendekatan berdisiplin ARREIT dalam mengekalkan ketepatan, ketelusan, dan pematuhan. Pelarasan ini tidak mencerminkan sebarang perubahan terhadap prestasi operasi atau asas kewangan AmanahRaya REIT. Lembaga Pengarah akan terus memberikan panduan dan pengawasan serta bekerjasama rapat dengan pihak Pengurusan bagi memastikan ARREIT kekal berada pada kedudukan kukuh untuk terus berkembang dalam landskap perniagaan yang sentiasa berubah.



En. Mohd Iskandar Dzulkarnain,
Managing Director of
AmanahRaya Kenedix REIT
Manager Sdn. Bhd. ([Pautan](#))

Pengarah Urusan AKRM, Mohd Iskandar Dzulkarnain berkata, 'Kami terus memberi tumpuan kepada penambahbaikan prestasi aset dan meningkatkan produktiviti operasi di seluruh portfolio kami. Komitmen kami adalah untuk terus menambah nilai bagi para pemegang unit melalui pengurusan aset yang proaktif, inisiatif kelestarian, dan kecemerlangan operasi.'

AmanahRaya REIT kekal berdaya tahan dari segi kewangan, disokong oleh portfolio yang pelbagai, penglibatan penyewa yang proaktif, serta inisiatif penambahbaikan aset yang berterusan bagi memastikan pulangan yang mampan kepada para pemegang kepentingan.

KENYATAAN MEDIA

--- TAMAT ---

MENGENAI AMANAHRAYA REIT

AmanahRaya Real Estate Investment Trust (AmanahRaya REIT) ialah dana pelaburan hartanah yang terkenal di Malaysia. Ditubuhkan pada 10 Oktober 2006, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 26 Februari 2007, ia memberi tumpuan kepada menyediakan pelabur dengan portfolio hartanah yang pelbagai.

Pada 31 Disember 2023, AmanahRaya REIT mempunyai 12 hartanah dengan jumlah nilai saksama RM1.297 bilion. Portfolio dipelbagaikan merentas pelbagai jenis hartanah, termasuk kompleks pejabat, institusi pendidikan, bangunan perindustrian, kompleks runcit dan hotel. Hartanah tersebut terletak secara strategik di kawasan utama seperti Johor (wilayah Selatan), Kedah dan Lembah Klang, yang merangkumi Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Damansara Heights, dan Subang Jaya. Kepelbagaian geografi dan sektor ini membantu mengurangkan risiko dan menstabilkan pulangan, memberikan pendedahan yang seimbang untuk pelabur.

MENGENAI AMANAHRAYA-KENEDIX REIT MANAGER SDN. BHD

AmanahRaya-Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd. (AKRM), usaha sama antara Amanah Raya Berhad dan KDA Capital Malaysia Sdn. Bhd. (KDA Capital), telah ditubuhkan pada 8 Mei 2009. Ia mengambil alih pengurusan AmanahRaya Real Estate Investment Trust (AmanahRaya REIT) daripada pengurus terdahulu, AmanahRaya-JMF Asset Management Sdn. Bhd. (kini AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd.), pada 27 Ogos 2009.

Pada 31 Disember 2023, AKRM mempunyai modal saham dibenarkan sebanyak RM5 juta dan modal saham berbayar sebanyak RM1.5 juta. Kenedix, Inc., melalui KDA Capital, membuat pelaburan besar dalam AKRM, memperoleh 49% kepentingan, manakala Amanah Raya Berhad mengekalkan 51% saham mengawal. KDA Capital juga membeli 15% unit AmanahRaya REIT.

Tanggungjawab teras AKRM adalah untuk menguruskan strategi pelaburan AmanahRaya REIT, bertujuan untuk mencapai pulangan yang stabil dan mampan untuk pemegang unitnya. Ini melibatkan penyeliaan objektif pelaburan amanah dan memastikan portfolio memberikan prestasi dan nilai yang konsisten kepada pelabur.

Dikeluarkan oleh: Amanah Raya Berhad dan Swan Consultancy. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Azura Shamsuddin
Ketua
Jabatan Komunikasi Kumpulan
Tel: 03-2055 7488
Faks: 03-2072 1434
E-mel: sitiazura@arb.com.my

Halimatul Saadiah Abu Kusan
Penolong Pengurus
Jabatan Komunikasi Kumpulan
Tel: 03-2055 7375
Faks: 03-2072 1434
E-mel: halimatulsaadiah@arb.com.my

Noor Atiyya Binti Mahmud
Pengurus Hubungan Pelabur
Amanahraya-Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd.
Tel: +60 13-808 8825
E-mel: nooratiyya@akrm.com.my

Jazzmin Wan

Renee Toh

KENYATAAN MEDIA

Pengurus Hubungan Awam
Swan Consultancy
Tel: +60 17-289 4110
E-mel: j.wan@swanconsultancy.biz

Eksekutif
Swan Consultancy
Tel: +60 12-2289621
E-mel: r.toh@swanconsultancy.biz